

Kerjasama G-15 punyai harapan

(P)
NEW DELHI 15 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan kerjasama negara Selatan-Selatan (G-15) masih mempunyai harapan untuk digerakkan dan mencapai matlamatnya.

"Walaupun kita kesal dengan kurangnya minat setengah negara G-15 sehingga Sidang Puncak G-15 terpaksa ditangguhkan tetapi kita masih mempunyai harapan," katanya.

Beliau yang bercakap pada sidang akhbar di akhir lawatan bekerja untuk memupuk hubungan dua-hala dengan India hari ini menyatakan, Malaysia yakin dengan G-15 dan kerjasama Selatan-Selatan.

Dr. Mahathir yang berlepas pulang hari ini menambah bahawa Malaysia akan melakukan sesuatu untuk memperlihatkan pencapaian G-15 yang membawa keuntungan tetapi sehingga Sidang Kemun-



cak G-15 diadakan antara 15 Mac - 7 April, "kita tidak boleh buat apa-apa."

"Sesetengah negara G-15 kurang minat kerana tidak yakin kerjasama Selatan-Selatan boleh menolong mereka," tegasnya.

Beliau menolak kemungkinan Sidang Puncak G-15 ditangguhkan kerana adanya tekanan daripada negara-negara besar yang berpengaruh. Harapannya agar Sidang Puncak G-15 Mac-April akan cukup dihadiri.

Mengenai kemungkinan China dan Iran menyertai G-15, Dr. Mahathir berka-

ta bahawa beliau telah mengunjungi China dan mendapati negara itu menyokong kerjasama Selatan-Selatan tetapi buat masa ini belum lagi mahu menyertainya.

Sementara bagi Iran, kita belum lagi membuat approach terhadap negara itu dan tidak mengetahui sikap Iran setakat ini tetapi kita tentu mengalu-alukannya.

Menjawab soalan bahawa ada negara G-15 di samping menganggotai G-15 juga menganggotai pertubuhan lain seperti Mexico menganggotai

NAFTA, beliau berkata, perkara itu tidak ada masalah kerana seperti Malaysia, ia juga anggota ASEAN.

Mengulas perkembangan kemajuan pusingan Uruguay tujuh tahun dan Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT), beliau berkata, ia tidak merugikan jika ada peraturan untuk mengadakan perjanjian baru yang boleh meningkatkan perdagangan dunia.

Menurutnya, dalam perbincangan di GATT hanya suara negara besar sahaja diambil kira dan "kita sedar kemungkinan seperti ini."

Mengulangi kenyataannya mengenai Forum Ekonomi Asia-Pasifik (APEC), Dr. Mahathir menyatakan, sepatutnya dari segi geografi dan nama yang diberikan ia membolehkan negara-negara rantau berkenaan menjadi anggotanya.— Utusan.